

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 20XX

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

September

$1\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baharu.*
4. *Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak di Bahagian A dan 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak di bahagian B.

## BAHAGIAN A


[20 markah]

## Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Semalam \_\_\_\_\_ pergi ke rumah nenek di Seremban,” kata pasangan kembar itu kepada rakan mereka.
- A saya
  - B kita
  - C kami
  - D kalian
- 2 “Wahai, Tuah! Pada pendapat \_\_\_\_\_, eloklah kita pergi sekarang,” kata Hang Jebat.
- A patik
  - B hamba
  - C tuanku
  - D baginda
- 3 Ibu bapa boleh \_\_\_\_\_ anak mereka ke tahun satu selepas melengkapkan borang ini.
- A mengurus
  - B melaporkan
  - C mendaftarkan
  - D memberitahu
- 4 Setelah berusaha bersungguh-sungguh, Armin berasa \_\_\_\_\_ bahawa dia akan berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan.
- A selesa
  - B yakin
  - C bangga
  - D tenteram

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



- 5 Abang menggunakan \_\_\_\_\_ pahat untuk mengukir permukaan kayu di bengkelnya.
- A sebilah
  - B selaras
  - C sebuah
  - D sebatang
- 6 Murid-murid kelihatan \_\_\_\_\_ selepas menjalani aktiviti Pendidikan Jasmani.
- A lemah
  - B lelah
  - C letih
  - D lesu
- 7 Kim Seng berasa \_\_\_\_\_ apabila menerima hadiah daripada guru besar.
- A tenteram
  - B bangga
  - C selesa
  - D sabar

- 8 Setelah disapu minyak dan disikat, rambut Kumar menjadi \_\_\_\_\_ .
- A kasar
  - B gebu
  - C licin
  - D kesat

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



- 9 Rumah yang terletak di \_\_\_\_\_ sawah itu milik Pak Talib.
- A tepi
  - B antara
  - C tengah
  - D belakang
- 10 Omar menggunakan wang yang diberikan oleh ayah \_\_\_\_\_ membeli sebuah kamus.
- A untuk
  - B agar
  - C lalu
  - D demi


11 Muka Pak Zaki \_\_\_\_\_ akibat disengat lebah ketika membersihkan dusunnya.

- A pucat-lesi
- B calar-balar
- C herot-berot
- D bengkak-bengkil

12 Mak Cik Sarah menjual \_\_\_\_\_ segar yang boleh dimakan sebagai ulam.

- A kayu-kayan
- B sayur-mayur
- C rempah-ratus
- D rumput-rumpai

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



13 Budak itu \_\_\_\_\_ pakaian yang baru dibasuhnya.

- A penyidai
- B bersidaian
- C tersidai
- D menyidai

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

- 14 Penyelam itu dapat melihat dengan jelas keadaan ikan lumba-lumba di dasar laut.
- A Ikan lumba-lumba dapat dilihat dengan jelas oleh penyelam itu ketika berada di dasar laut.
  - B Penyelam itu dan ikan lumba-lumba dapat melihat keadaan di dasar laut dengan jelas.
  - C Keadaan di dasar laut jelas kelihatan penyelam itu dengan ikan lumba-lumba.
  - D Dasar laut yang jelas memudahkan penyelam melihat keadaan ikan lumba-lumba itu.
- 15 Guru kelas memaklumkan program motivasi itu diadakan untuk memantapkan keyakinan diri murid-murid.
- A “Murid-murid perlu tahu bahawa program motivasi diadakan untuk meyakinkan diri sendiri,” jelas guru kelas kepada murid-murid.
  - B “Program motivasi ini diadakan untuk mengukuhkan keyakinan diri kamu,” kata guru kelas kepada murid-murid.
  - C “Program motivasi ini diadakan untuk menimbulkan kesedaran diri kamu,” jelas guru kelas kepada murid-murid.
  - D “Keupayaan kamu dapat ditingkatkan melalui program motivasi ini,” kata guru kelas kepada murid-murid.

Pilih ayat yang **betul**.

- 16 A Bayaran ke pameran Sains itu bukan mahal sangat.  
B Kebanyakan bahan yang dipamerkan berasal daripada Timur Tengah.  
C Setengah pengunjung datang ke pameran ialah murid sekolah.  
D Sila dapatkan maklumat tentang pameran itu di kaunter pertanyaan.

**Soalan 17 hingga 20**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Hang Li Po merupakan salah seorang isteri kepada Sultan Mansor Syah yang memerintah Melaka dari tahun 1456 hingga tahun 1477. Beliau merupakan puteri kepada Maharaja Yongle, iaitu Maharaja Wangsa Ming di China.

Menurut Sejarah Melayu karya Tun Sri Lanang, Sultan Mansor Syah hendak menjalinkan hubungan dengan negara China. Oleh yang demikian, baginda menghantar Tun Perpatih Putih sebagai utusannya dengan membawa sepucuk surat untuk Maharaja Yongle. Tun Perpatih Putih berjaya menarik hati Maharaja China dengan kemasyhuran Kesultanan Melaka. Maharaja China menghadihkan puterinya, Li Po untuk dijadikan isteri kepada Sultan Mansor Syah.

Kemudian, Puteri Li Po datang ke Melaka bersama-sama 500 orang pengiring perempuan. Selepas memeluk Islam, Puteri Li Po berkahwin dengan Sultan Mansor Syah. Sultan Mansor Syah telah membina sebuah istana untuk Puteri Li Po manakala pengiring-pengiringnya diberikan tempat tinggal yang tetap di Bukit Cina.

Pengiring-pengiring Puteri Li Po pula ada yang berkahwin dengan pegawai-pegawai Sultan Mansor Syah. Puteri Li Po kemudiannya dikenali sebagai Puteri Hang Li Po selepas dianugerahi gelaran 'Hang' oleh Sultan Mansor Syah. Puteri Hang Li Po dan Sultan Mansor Syah dikurniai seorang anak lelaki bernama Paduka Tun Mamat.

Bukit Cina akhirnya menjadi kawasan perkuburan orang Cina tempatan. Kini, perkuburan Bukit Cina dan Perigi Hang Li Po menjadi tinggalan sejarah di Melaka.

Dipetik dan diubah suai daripada *Wikipedia*

Lihat halaman sebelah

**SULIT**

- 17 Siapakah yang bersama-sama Puteri Li Po ke Melaka?
- A Maharaja Yongle
  - B Paduka Tun Mamat
  - C Pengiring-pengiringnya
  - D Pegawai-pegawai Sultan
- 18 Tun Perpatih Putih berjaya ...
- A memasyhurkan Kesultanan Melaka.
  - B menarik hati Maharaja China.
  - C menghadiahkan Puteri Li Po kepada Sultan.
  - D membina sebuah istana untuk Puteri Li Po.
- 19 Bagaimanakah Sultan Mansor Syah menjalin hubungan dengan China?
- A Melalui pengiring-pengiring Puteri Li Po
  - B Dengan mengahwini Puteri Li Po
  - C Dengan kemasyhuran Kesultanan Melaka
  - D Melalui sepucuk surat kepada Maharaja Yongle
- 20 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Sultan Mansor Syah menjadi pemerintah Melaka dari tahun 1456 hingga 1477.
  - B Pengiring-pengiring Puteri Hang Li Po meninggalkan Bukit Cina.
  - C Kawasan Perkuburan Bukit Cina tidak wujud lagi.
  - D Tun Perpatih Putih menulis surat kepada Maharaja Yongle untuk menjalin hubungan.

**KERTAS SOALAN TAMAT**